

# Malaysia belajar daripada krisis

4M : 26/6/2007

SINGAPURA 25 Jun - Ekonomi Malaysia kini lebih kukuh dan berada pada kedudukan yang lebih baik untuk menghadapi sebarang kemungkinan berlakunya krisis, kata Menteri Kewangan Kedua Tan Sri Nor Mohamed Yakcop hari ini.

Beliau berkata, Malaysia mendapat pengajaran yang tepat daripada krisis ekonomi 1997-1998.

"Dalam menuju ke depan, kita tidak tahu bila krisis berikutnya akan muncul dan tidak ada sesiapa yang berani sangat untuk menolak kemungkinan krisis akan berlaku dalam tempoh 50 tahun akan datang. Bagi saya, rantau ini secara am dan Malaysia khususnya kini sangat kukuh," katanya pada persidangan media selepas menyertai Forum Ekonomi Dunia mengenai Asia Timur di sini.

Nor Mohamed ialah ahli panel pada panel forum berkenaan.

Menurut Nor Mohamed, jika krisis berlaku, Malaysia kini berada pada kedudukan yang kukuh untuk meminimumkan kesan.

"Kita sudah mendapat pengajaran yang betul. Ada dua jenis pengajaran. Satu Barat mahu kita belajar dan satu lagi kita sebenarnya belajar. Secara peribadi, saya tidak jangka krisis akan berlaku dalam tempoh terdekat," katanya.

Nor Mohamed juga ditanya mengenai kedudukan ringgit sama ada Malaysia selesa dengan tahap semasanya.

Sambil berkata bahawa negara gembira dengannya, beliau menambah: "Ringgit bertindak dengan baik."

Mengenai kadar faedah, Nor Mohamed berkata, tahapnya kini sesuai dengan sasaran pertumbuhan dan pembangunan kerajaan.

- Bernama